

1. Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh British.

Tahun	Peristiwa
1878	Membina hospital kerajaan yang pertama.



Pembinaan hospital tersebut terletak di negeri _____.

- ☐ A Johor
☐ B Perak
☐ C Kedah
☐ D Selangor

2. Kemunculan bandar Miri pada abad ke-20 disebabkan oleh penemuan

- ☐ A besi
☐ B emas
☐ C antimoni
☐ D petroleum

3. H.N. Ridley telah memperkenalkan teknik membungkus anak-anak pokok getah di dalam arang yang lembap.
Apakah kepentingan teknik tersebut?

- ☐ A Kualiti susu getah lebih tahan lama
☐ B Kos pengeluaran getah lebih rendah
☐ C Mudah diangkut ke tempat yang jauh
☐ D Mampu memanjangkan hayat pokok getah

4. Di Sarawak, orang Cina dibawa masuk ketika pemerintahan Dinasti Brooke.
Orang Cina tersebut mengusahakan kegiatan lombong

- I emas
II ilmanit
III minyak
IV antimoni

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

5. Jadual berikut menerangkan usaha British pada abad ke-20 di negara kita.

Tahun	1912
Usaha British	Memperkenalkan Ordinan Buruh

Apakah kesan daripada usaha British tersebut?

- ☐ A Kemasukan ramai buruh asing
☐ B Kemakmuran sektor perladangan
☐ C Pembinaan sekolah Tamil di ladang
☐ D Pembentukan masyarakat berbilang kaum

6. Pada tahun 1900, landasan kereta api dibina untuk menghubungkan Beaufort dengan Y dan X.
Apakah X dan Y?

- ☐ A
- | X | Y |
|---------|----------|
| Beluran | Sandakan |
- ☐ B
- | X | Y |
|-----------|-------|
| Jesselton | Tenom |
- ☐ C
- | X | Y |
|-------|------------|
| Ranau | Kota Belud |
- ☐ D
- | X | Y |
|----------|-------|
| Tambunan | Papar |

7. Dialog berikut mungkin diucapkan pada abad ke-20 di negara kita.

Pegawai British A : Permintaan terhadap bijih timah di pasaran dunia memang tinggi.
Pegawai British B : Kita mesti melakukan sesuatu agar dapat menguasai industri bijih timah.

Apakah tindakan British seterusnya berhubung dengan industri bijih timah?

- I Menggubal enakmen
II Menggubal undang-undang
III Menyekat kemasukan buruh asing
IV Membina pelabuhan di muara sungai

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

8. Jadual berikut berkaitan dengan dasar SBUB di Sabah.

Tahun	1890
Dasar SBUB	Lembaga Penasihat Orang Cina dibentuk di Sandakan

Mengapakah SBUB mengambil dasar tersebut?

- I Menjaga kebajikan orang Cina
II Memajukan ladang tembakau
III Mengatasi masalah kewangan
IV Menangani penentangan rakyat

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan bandar Sibu.

1862	Kemunculan bandar Sibu
1900	Ramai orang Cina berpindah ke Sibu



Apakah kesan daripada perpindahan orang Cina tersebut?

- ☐ A Penubuhan kongsi gelap
- ☐ B Pemberontakan orang Cina
- ☐ C Kepesatan aktiviti perdagangan
- ☐ D Kemunculan golongan cerdik pandai

10. Syarikat berikut telah ditubuhkan pada tahun 1919.

Commercial Union

Apakah bidang perniagaan yang dijalankan oleh syarikat tersebut?

- ☐ A Perladangan
- ☐ B Perbankan
- ☐ C Kesihatan
- ☐ D Insurans

11. Manakah yang berkaitan dengan sekolah vernakular Melayu pada akhir abad ke-19?

- ☐ A Ditadbir oleh golongan ulama
- ☐ B Dinaungi golongan pembesar
- ☐ C Terbuka kepada semua golongan
- ☐ D Pendidikan terhad di peringkat rendah

12. Apakah pentadbiran Barat yang terlibat dengan pembinaan berikut di negara kita?

Rumah Pasong

- ☐ A Pentadbiran SBUB
- ☐ B Pentadbiran Brooke
- ☐ C Pentadbiran Negeri-negeri Selat
- ☐ D Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

13. Apakah persamaan kegiatan perlombongan di lokasi berikut?

- Lembah Kinta, Perak
- Ampang, Kuala Lumpur

- ☐ A Antimoni
- ☐ B Petroleum
- ☐ C Bijih timah
- ☐ D Arang batu

14. Apakah yang menyumbangkan kepada kemajuan bandar Jesselton di Sabah pada akhir abad ke-19?
- I Perladangan getah
 - II Penggunaan wang kertas
 - III Penubuhan sekolah vernakular
 - IV Pembinaan landasan kereta api

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

15. Antara berikut, yang manakah ciri sistem ekonomi moden?

- I Buruh yang ramai
- II Penggunaan alatan primitif
- III Hasil ditukar dengan barang
- IV Penggunaan tenaga moden

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

16. Apakah persamaan undang-undang tanah yang berikut yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?

- Land Order
- Land Settlement
- Akta Tanah Simpanan Melayu

- ☐ A Mengelakkan penjualan tanah milik peribumi
- ☐ B Menggalakkan pembukaan tanah pertanian
- ☐ C Melindungi kepentingan ekonomi British
- ☐ D Menjaga tanah hak milik peribumi

17. Apakah sumbangan tokoh yang berikut dalam memperkenalkan industri getah di negara kita?



H.N. Ridley

- ☐ A Menstabilkan harga getah
- ☐ B Memperkenalkan sistem *ibedem*
- ☐ C Mempelbagaikan penggunaan getah
- ☐ D Menggalakkan kemasukan buruh India

18. Maklumat berikut berkaitan dengan kesan kemasukan buruh asing ke negara kita.

- Kelahiran masyarakat berbilang kaum
- Kemunculan sekolah vernakular

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan kesan tersebut?

- ☐ A Menyulitkan proses perpaduan
- ☐ B Memundurkan sektor ekonomi
- ☐ C Melahirkan semangat nasionalisme
- ☐ D Memajukan kedudukan sosial rakyat peribumi

19. Pentadbiran Brooke telah menjadikan Kuching sebagai ibu negeri Sarawak. Tindakan tersebut dilakukan bermula pada tahun _____

- ☐ A 1838
- ☐ B 1839
- ☐ C 1840
- ☐ D 1841

20. Bagaimanakah syarikat berikut membantu mengembangkan perusahaan getah di negara kita pada awal abad ke-20?

- Guthrie
- Harrisons & Crosfield

- ☐ A Mengagihkan biji getah
- ☐ B Mengadakan pameran
- ☐ C Membuka ladang getah
- ☐ D Memberi bantuan subsidi